

Publication : Utusan Malaysia - Kota  
Date/Page : 18 December 2004, pg 4  
Circulation : 246,006

## SAS M'sia takluki Gunung Kinabalu

KUALA LUMPUR 17 Dis. – Peneraju pasaran penyelesaian dan perkhidmatan kepintaran perniagaan, SAS Malaysia menderma sebanyak RM8,597.33 kepada Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi membantu program kebajikan universiti itu, “Selangkah Ke Alam Universiti”.

Pengarah Urusan SAS Malaysia, **Jimmy Cheah** berkata, ia sebahagian daripada langkah permulaan syarikat untuk mencapai matlamat jangka panjang korporat supaya terus menyumbang dan menunaikan tanggungjawab sosial.

Program “Selangkah Ke Alam Universiti” dianjurkan khusus untuk pelajar tingkatan lima dan golongan anak yatim yang cemerlang dalam keputusan akademik tetapi tidak berupaya untuk melanjutkan pelajaran disebabkan masalah kewangan.

Jumlah derma itu pula dikutip menerusi ekspedisi mendaki Gunung Kinabalu, Sabah yang dilakukan oleh sekumpulan eksekutif SAS Malaysia dan pelanggan utamanya baru-baru ini.

Jumlah wang yang diderma itu adalah dikira berdasarkan kadar 25 sen bagi setiap satu meter yang telah didaki di mana enam pendaki berjaya sampai ke

puncak manakala yang lainnya setakat di Laban Rata pada ketinggian 3,272.7 meter.

Ekspedisi itu berakhir cemerlang dengan pengibaran bendera korporat SAS 9 di puncak gunung tertinggi di Asia Tenggara itu.

Rakan-rakan korporat SAS Malaysia terdiri daripada eksekutif HSBC Bank, RHB Bank dan United Overseas Bank Malaysia.

Pengurus projek, **Leong Sxe Juen** berkata, walaupun perjalanan ke puncak agak berbahaya dan mencabar, tetapi semangat berkobar-kobar mereka menjadi perencah kejayaan.

“Meskipun ia merupakan pengalaman pertama mendaki gunung, ia akhirnya berjaya dicapai dan itu merupakan satu pencapaian cukup hebat,” katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Dekan Fakulti Sains Kuantitatif UUM, **Profesor Engku Muhammad Nazri Engku Abu Bakar** berkata, program tersebut berjaya menggalakkan kesedaran terhadap pendidikan tinggi di kalangan masyarakat.

“Mereka memberikan penekanan kepada nilai dan manfaat perancangan kerjaya dan persediaan masa depan yang rapi ke arah kecemerlangan,” katanya.